



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,  
Aras 18, Blok C,  
Ibu Pejabat  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,  
No. 2, Lebuhraya Wawasan, Presint 7,  
62250 Putrajaya**

Tel. : **03-8870 0015**  
Faks : **03-8870 0908**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009 (PINDAAN 2018) BERKUAT KUASA HARI INI

Peruntukan undang-undang baharu, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018) yang memperuntukkan kesalahan rasuah oleh organisasi komersial mula berkuat kuasa hari ini (1 Jun 2020).

Tarikh penguatkuasaan ini telah dikeluarkan melalui kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Dato' Takiyuddin Hassan menerusi Warta Kerajaan Persekutuan P.U (B) 247 bertarikh 27 Mei 2020.

Sebelum ini, Parlimen telah meluluskan pindaan akta berkenaan pada 5 April 2018 dan diwartakan pada 4 Mei 2018. Kerajaan turut membenarkan penangguhan tempoh dua tahun diberikan kepada organisasi komersial mulai tarikh tersebut bagi melakukan persediaan sewajarnya sebelum peruntukan undang-undang baharu berkenaan dikuat kuasa sepenuhnya.

Peruntukan undang-undang yang juga dikenali sebagai liabiliti korporat ini ialah untuk menggalakkan aktiviti perniagaan dijalankan dengan integriti tanpa rasuah dan mempromosi amalan tadbir urus baik dalam organisasi dan bukan bertujuan untuk menghukum organisasi komersial semata-mata.

Secara asasnya, menerusi Seksyen 17A Akta SPRM 2009 (Pindaan 2018), organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau pihak bersekutunya terlibat dengan jenayah rasuah. Organisasi komersial tersebut boleh disifatkan bersalah dalam keadaan sama ada pihak pengurusan atasannya atau wakilnya tahu tentang kelakuan rasuah yang dilakukan oleh pekerja atau pihak bersekutunya.

Jika sesebuah organisasi komersial disabit kesalahan, hukuman di bawah Seksyen 17A(2) adalah denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, atau dipenjarakan sehingga 20 tahun, atau kedua-duanya sekali. Bagaimanapun organisasi komersial boleh membela diri jika dapat menunjukkan bahawa organisasi tersebut mempunyai 'tatacara mencukupi' yang telah dilaksanakan bagi mencegah berlakunya rasuah dalam operasi atau aktiviti perniagaan mereka.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berkenaan peruntukan undang-undang baharu ini boleh melayari portal rasmi SPRM di <https://www.sprm.gov.my/> manakala bagi mendapatkan garis panduan tatacara mencukupi pula, boleh melayari pautan <http://giacc.jpm.gov.my/garis-panduan-tatacara/>.

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

1 JUN 2020

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui pengubalan Akta SPRM 2009 (Akta 694) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPRM. SPRM turut disokong oleh mekanisme check and balance dalam memastikan SPRM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).